

## **BAB KEENAM**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **6.0 Pendahuluan**

Bab terakhir ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian rumusan dan bahagian cadangan. Bahagian rumusan akan menyorot aspek-aspek penting yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang lalu. Sorotan ini bertujuan untuk menghasilkan satu rumusan yang menyeluruh yang melahirkan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan kajian ini.

Bahagian cadangan pula akan cuba mengetengahkan beberapa cadangan yang berasaskan kepada kepentingan mempelajari ilmu Bala:ghaṭ dan kaedah-kaedah yang lebih berkesan bagi meningkatkan tahap pengajian bahasa al-Qur'an dan memahami ciri-ciri retorik al-Qur'an, khususnya dalam aspek gaya bahasa pengulangan yang banyak terkandung di dalamnya.

#### **6.1 Rumusan**

Setelah diperhatikan kepada perbincangan dan analisis yang telah dilakukan dalam kajian ini, penulis dapat mengemukakan rumusan-rumusan penting yang boleh dijadikan intipati keseluruhan kajian ini. Antaranya ialah:


1. Ilmu al-Ma'a:ni: adalah satu daripada bahagian ilmu Bala:ghaṭ yang terpenting yang membahaskan tujuan-tujuan percakapan yang berlandaskan kepada

kesesuaian situasi dan pendengar. Antara bahasan ilmu al-Ma'a:ni: yang penting ialah gaya bahasa pengulangan yang menjadi topik kajian ini. Melalui ilmu al-Ma'a:ni:, kita dapat mengenalpasti ciri-ciri kemukjizatan al-Qur'an serta keindahan puisi dan prosa Arab.

2. Pengulangan ataupun al-Takra:r mengambil ruang yang besar dalam percakapan Arab dari sudut Bala:ghaṭ. Pengulangan yang berlaku dalam komunikasi bahasa Arab adalah bertujuan untuk pengukuhan makna di samping memberikan ingatan berganda agar pihak yang terlibat memberikan perhatian dan fokus yang lebih terhadap sesuatu ujaran itu. Pengulangan ini adalah satu fenomena bahasa yang kerap berlaku melibatkan pengulangan partikel, frasa dan kisah. Para sarjana Bala:ghaṭ Arab telahpun meletakkan kaedah-kaedah yang tertentu yang membantu memahami objektif pengulangan-pengulangan itu berlaku beserta tujuan dalam konteks ayat-ayatnya.
3. Penulis telah pun membuktikan bahwa pengulangan frasa juga amat penting kerana banyak mengandungi arahan-arahan dan makna-makna Bala:ghaṭ yang sangat mendalam. Ini dapat dilihat menerusi analisis terhadap ayat-ayat yang diulang-ulang dalam surah al-Rahma:n yang menjadi fokus utama kajian ini. Melalui analisis tersebut, dapat dirumuskan bahawa ayat-ayat ayat-ayat yang diulang itu merangkumi suruhan, perintah, larangan, pertanyaan, sub-jungtif (*tamanni:*) dan seruan. Pengulangan suruhan untuk mengingatkan dan mensyukuri

nikmat Allah yang telah diulang sebanyak tiga puluh satu (31) kali daripada jumlah keseluruhan ayat iaitu sebanyak tujuh puluh lapan (78) dalam surah dan bagi menunjukkan kepada pembaca keberkesanan kaedah pengulangan ini dilakukan tanpa mencatitkan struktur surah secara total.

4. Dalam kajian ini juga kita dapat menyaksikan kebenaran teori Nazariyyat al-Nazm yang dikemukakan oleh Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy yang telah disentuh oleh penulis dalam bab yang ketiga. Dari penelitian dalam pembahagian penggal-penggal dalam bab lima yang lalu, terbukti bahawa salah satu wajah keunggulan atau I'ja:z bahasa al-Qur'an adalah dibangunkan atas faktor kekuatan lafaz dan makna sekaligus. Ini bermakna sesuatu ayat yang terdapat dalam al-Qur'an tidak akan mampu diubah atau dipinda oleh sesiapa kerana ini akan menyebabkan hilangnya kekuatan dalam mesej yang dibawa. Walaupun ayat yang digugurkan itu merupakan ayat yang berulang-ulang. Pengulangan yang berlaku ini tidaklah seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak orientalis yang beranggapan sebagai tidak penting. Pada tanggapan mereka jika setiap ayat yang berulang digugurkan makna yang dikemukakan tidak akan terjejas. Tanggapan ini telah terbukti salah kerana sebarang kehilangan melibatkan ayat akan memberikan kesan pada gaya persembahannya. Sebagai contoh, sila lihat pengguguran ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) yang memisahkan penggal pertama dan penggal kedua daripada surah al-Rahma:n:



Maksudnya: “Dan bumi pula dijadikannya rata untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhlukNya yang lain. Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang;. Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum. Dia menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar. Dan Dia telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang”.

Ketiadaan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) sebagai penyelang antara ayat penceritaan tentang tanaman dan kejadian makhluk kategori jin dan manusia. Walaupun ayat ini merupakan suatu frasa yang berperanan sebagai ayat pengulangan, namun penggugurannya menyebabkan hilangnya keserasian antara dua bentuk sebutan tentang nikmat itu. Ini disebabkan kehebatan ciptaan pokok-pokok adalah nikmat yang berbeza daripada kehebatan Allah dalam menjadikan jin dan manusia.

Pemilihan perkataan yang digunakan dalam ayat-ayat menerusi surah al-Rahma:n ini juga menerbitkan alunan muzik yang menyebabkannya mengguguli sajak dan pidato yang dianggap hebat oleh masyarakat Arab Jahiliah. Perkara ini menepati kajian Sayyid Qutb dalam karyanya al-Taswi:r al-Fanniyy serta para pengkaji aspek I'ja:z seperti al-Khatta:biyy, al-Rumma:niyy, al-Ba:qilla:niyy dan lain-lain. Sebahagian daripada pandangan sarjana ini telah dimuatkan dalam perbahasan tentang I'ja:z menerusi hujung bab ketiga yang lalu.

5. Sebahagian besar daripada ayat-ayat yang diulang dalam surah ini, berkisar tentang nikmat-nikmat yang berbagai daripada dunia berupa pendidikan dan ilmu hinggalah kepada nikmat yang paling tinggi iaitulah anugerah syurga buat hamba yang layak, iaitu golongan yang berjaya menggunakan nikmat tersebut secara berterusan sejak dunia lagi.

Memahami pendekatan gaya bahasa pengulangan yang dipaparkan dalam kajian ini dapat membantu mempertingkatkan kaedah-kaedah pembelajaran gaya bahasa tersebut kepada para pelajar dengan lebih berkesan dan mantap sama ada dari sudut pertuturan mahupun penulisan.

6. Gaya bahasa pengulangan yang dikaji dalam sastera Arab dan al-Qur'an juga mempunyai identiti yang tersendiri yang hanya dapat dikenalpasti oleh orang-orang yang mendalaminya secara langsung. Pengolahan struktur pengulangan

dalam surah al-Rahma:n telah berjaya merealisasikan ayat-ayat tersebut dalam menyampaikan segala suruhan dan larangan Allah dengan lebih berkesan dan jelas.

## **6.2 Cadangan**

Peranan gaya bahasa pengulangan amat besar sekali faedahnya terutama dalam konteks dakwah dan penyampaian syariat Islam seperti yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w sendiri dan para sahabatnya. Ia juga amat berfaedah dalam konteks pendidikan dan pembelajaran. Di bawah topik ini, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan bagi tujuan mempertingkatkan tahap pembelajaran ilmu Bala:ghaṭ dan retorik al-Qur'an khususnya yang berkaitan pendekatan pengulangan.

Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- a) Penting bagi setiap guru yang mengajar ilmu Bala:ghaṭ agar memberikan pendedahan awal tentang kaedah al-Itna:b yang termasuk salah satu daripada topiknya adalah berkaitan pengulangan atau al-Takra:r itu sendiri. Ini penting bagi memastikan objektif sesuatu ayat samada dalam bentuk percakapan dan penulisan dapat dicapai. Seseorang yang memahami pendekatan pengulangan akan menguasai teknik menyampaikan maklumat secara lebih berkesan kerana dapat memahami situasi yang manakah yang memerlukan pengulangan bagi memenuhi aspek penekanan terhadap sesuatu mesej yang ingin disampaikan.

- b) Pembelajaran ilmu Bala:ghaṭ hendaklah lebih banyak melibatkan applikasi berbanding dengan teori. Ini termasuklah menggunakan teks-teks daripada al-Qur'an, al-Hadith dan teks-teks sastera Arab samada daripada puisi agar dengan ini mereka mempunyai kefahaman yang bersifat amali dan bukannya bersifat teori sahaja. Sebagai contohnya dalam kajian ini surah al-Rahma:n telah menjadi satu bahan eksperimen bagi membuktikan peranan pengulangan untuk memenuhi objektif-objektif tertentu.
- c) Selain daripada mempelajari kaedah-kaedah ilmu Bala:ghaṭ dalam bahasa Arab kajian perbandingan antara bahasa ibunda dengan bahasa Arab yang melibatkan pengulangan turut membantu mempertingkatkan kefahaman terhadap gaya bahasa pengulangan dalam bahasa Arab.
- d) Bagi menjamin keseragaman pembelajaran ilmu Bala:ghaṭ, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah menyediakan tenaga pengajar yang betul-betul berkelayakan dan mahir dalam bidang ini supaya ia dapat disampaikan dengan lebih efektif dan bersepadu. Dalam kajian seumpama ini terbukti bahawa kebanyakan bahan rujukan dikarang dalam bahasa Arab. Justru tanpa mengembeling tenaga secara bersungguh-sungguh untuk merujuk bahan-bahan dalam bahasa Arab, seseorang itu tidak akan mampu menyampaikan maklumat yang tepat tentang gaya bahasa pengulangan yang digunakan oleh al-Qur'an al-Kari:m.

- e) Pelajaran tafsir hendaklah diberikan penekanan secara seiring sejalan dengan pembelajaran bahasa Arab. Ini disebabkan pembelajaran bahasa al-Qur'an secara berasingan daripada tafsir akan menyebabkan para pelajar kurang memahami kerana bahan-bahan selain dari al-Qur'an dan tafsir amat susah difahami oleh para pelajar disebabkan kekangan bahasa, kelainan budaya dan sebagainya. Sekiranya mereka diberikan penerangan menerusi ayat-ayat al-Qur'an sudah tentu manfaatnya lebih banyak lagi.
  
- f) Umat Islam juga digalakkan mempelajari topik-topik berkaitan kemukjizatan al-Qur'an kerana dengan cara itu mereka akan mendapat pendedahan tentang keindahan gaya bahasanya termasuk kehebatan gaya bahasa pengulangan yang merupakan sebahagian daripada al-Itna:b.
  
- g) Dalam mengetengahkan bala:ghat al-Qur'an, guru-guru agama, para pendakwah, pegawai agama dan lain-lainnya perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu bala:ghat al-Qur'an seperti gaya bahasa pengulangan yang ketara digunakan secara jelas dan bidang-bidang selainnya dalam surah-surah al-Qur'an, supaya mereka dapat menyampaikan ilmu ini kepada orang-orang awam menerusi kerjaya masing-masing untuk menarik minat mereka memahami ayat-ayat al-Qur'an dan ajaran-ajarannya dengan lebih mendalam. Pendekatan pengulangan ini sebenarnya dapat membantu mempengaruhi psikologi para pendengar untuk menjayakan komunikasi yang sedang berlaku.



- h) Para ibu bapa dan pendidik wajar mempelajari kaedah pengulangan dalam gaya bahasa al-Qur'an agar dengan cara yang demikian dapat mendidik anak-anak mereka dengan cara yang lebih efisien serta mengelakkan kebosanan daripada berlaku. Sebagai contohnya dalam surah al-Rahma:n yang telah dibincangkan ternyata kepelbagaian bentuk nikmat yang dikemukakan menjadi sebab persembahan surah itu menjadi amat menarik.
- i) Pembelajaran tentang gaya bahasa pengulangan dalam al-Qur'an wajar diajarkan kepada semua umat Islam memandangkan adanya silap faham daripada pihak-pihak tertentu yang sengaja menimbulkan fitnah mengatakan al-Qur'an mengandungi terlalu banyak pengulangan tentang perkara-perkara yang sama. Apabila umat Islam memahami tujuan-tujuan dan bentuk-bentuk pengulangan yang terdapat dalam surah-surah al-Qur'an, sudah tentu mereka dapat menangkis segala dakwah palsu yang diada-adakan oleh para musuh Islam seperti yang ditimbulkan oleh sebahagian daripada Orientalis yang bertujuan mendedahkan kelemahan Islam.

### **6.3 Penutup**

Kajian ini mendapati gaya bahasa pengulangan dalam al-Qur'an terutamanya dalam surah al-Rahman memainkan peranan yang amat penting untuk memperkukuhkan pengetahuan terhadap sesuatu mesej yang ingin disampaikan. Seseorang yang kita berbicara dengannya ( الْمُخَاطَبُ ) merupakan seorang manusia yang berada dalam satu keadaan berikut :

1. Seorang yang tidak mengetahui langsung perkara yang disampaikan kepadanya. Individu seperti ini hanya memerlukan ayat yang berbentuk kenyataan umum.
2. Seseorang yang telah mengetahui secara umum tentang sesuatu perkara tetapi dia masih belum dapat memastikan kebenarannya. Individu ini memerlukan penegasan terhadap maklumat yang diterimanya dahulu untuk memperkukuhkan keyakinannya.
3. Seseorang yang mengetahui sesuatu maklumat tetapi dia meragukannya. Maka dalam konteks ini dia memerlukan pemberitahuan demi pemberitahuan secara berulang-ulang untuk menghilangkan keraguannya.

Menghadapi seseorang dari kategori ke tiga ini menyebabkan perlunya kepada pendekatan pengulangan yang menjadi fokus kajian ini. Individu seperti ini memerlukan pemberitahuan itu disampaikan kepadanya berterusan dari masa ke masa. Kemungkinan penyampaian secara berulang-ulang ini memerlukan kepelbagaian teknik penyampaian ataupun satu bentuk yang sama tetapi disampaikan secara berulang-ulang. Pengulangan

peringatan kepadanya akan dapat membimbingnya agar mengikuti sesuatu perkara yang benar-benar akan menyelamatkannya dari sesuatu bahaya.

Pendekatan secara pengulangan juga didapati amat penting dalam sektor pendidikan dan dakwah kerana perkara-perkara yang diulang ini akan menyebabkan seseorang menanganinya secara serius kerana ingatan yang disampaikan secara bertalutalu itu.

Berdasarkan kajian ini juga jelaslah bagaimana pengulangan yang dilakukan bukan sahaja dapat memberikan kesedaran kepada manusia dan jin terhadap kewajipan bersyukur kepada Allah s.w.t malah ia juga mewujudkan suatu alunan suara yang amat berkesan di jiwa para pendengar. Perkara ini jelas dirasai sesudah mengkhatamkan surah al-Rahma:n bahawa pengulangan ayat (فِي أَيِّ آلاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) sebanyak 31 kali yang ini akan menarik minat pembaca untuk meneroka senarai nikmat yang dikemukakan oleh Allah s.w.t.

Amatlah benarNya Allah apabila Dia menurunkan firmanNya ayat ke-109 surah al-Kahf, maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad): “Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambahkan lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan”*.

Demikianlah pula seperti yang disifatkan oleh Nabi s.a.w dalam sebuah hadith riwayat al-Ha:kim dan al-Bayhaqiyy bermaksud: *“al-Qur’an itu mengandungi khabar*

*masa lampau, berita akan datang, tidak lekang oleh panas, tidak lapuk oleh hujan, tidak lapuk oleh hujan, tidak terhenti keajaibannya dan tidak pula usung oleh banyaknya diskusi tentangnya”.*